



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 28 OGOS 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **36 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **9,030 kes** (97.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 28 Ogos 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **10 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,306 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 151 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 10 kes baharu yang dilaporkan, lapan (8) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** satu (1) warganegara Malaysia dan tujuh (7) bukan warganegara. Lapan (8) kes import tersebut adalah dari negara:

- i. India (5 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2 kes di Selangor); dan
- ii. Filipina (1 kes di Sarawak).

Daripada dua (2) kes penularan di dalam negara, satu (1) kes adalah warganegara Malaysia dan satu (1) kes bukan warganegara. Kes warganegara Malaysia yang dikesan di negeri Kedah adalah daripada saringan bergejala. Manakala kes bukan warganegara yang dikesan di negeri Selangor adalah kes saringan tahanan yang merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dari Depot Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil.

Sehingga kini, terdapat **lapan (8) kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana enam (6) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **125 kes** (1.34 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

PENULARAN COVID-19 DI LUAR DAN DI DALAM NEGARA

Tren kejadian jangkitan COVID-19 di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa dipantau rapi bagi memastikan tindakan kawalan bagi mencegah penularan jangkitan dalam negara Malaysia diambil segera. Kawalan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara dipertingkatkan di mana semua pengembara yang tiba di PMA Negara akan melalui proses saringan kesihatan, pengambilan swab bagi ujian COVID-19, memuat turun aplikasi MySejahtera dan menjalani *self-quarantine* di stesen kuarantin selama 14 hari.

Sehingga 27 Ogos 2020, daripada 106,793 pengembara telah tiba di Malaysia, sebanyak 904 kes dikesan positif COVID-19 (kadar positifiti sebanyak 0.85%). Daripada 904 kes yang dikesan, tiga (3) negara yang mencatatkan kes yang tertinggi adalah daripada negara Indonesia iaitu sebanyak 295 kes (32.6%), diikuti dengan negara Mesir 93 kes (10.3%) dan negara Singapura 70 kes (7.7%). Malaysia akan terus memperketatkan aktiviti kesihatan awam yang dijalankan di PMA Negara bagi memastikan jangkitan COVID-19 di luar negara dapat disekat.

Bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 di dalam negara, masyarakat Malaysia perlu bersama-sama memainkan peranan masing-masing kerana ini merupakan tanggungjawab sosial setiap individu. KKM menggesa masyarakat agar terus mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan setiap masa.

Mengambil kira sambutan Hari Kebangsaan akan diadakan pada 31 Ogos 2020, cuti hujung minggu ini adalah panjang. Justeru, masyarakat disarankan untuk mengelakkan sebarang perhimpunan besar-besaran dan mengikut norma baharu serta semua SOP yang ditetapkan. KKM juga ingin menekankan bahawa pemakaian alat pelitup muka (*facemask*) adalah diwajibkan di tempat yang sesak dan sempit oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020, terutamanya sekiranya penjarakan fizikal (*physical distancing*) sukar diamalkan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM berharap orang ramai agar kekal waspada dan terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **seimbang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

28 Ogos 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 28 OGOS 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	32
KEDAH	1	213
PULAU PINANG	0	136
PERAK	0	269
SELANGOR	3 (2)	2,164
NEGERI SEMBILAN	0	1,034
MELAKA	0	262
JOHOR	0	751
PAHANG	0	370
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	0	417
SARAWAK	1 (1)	697
W.P. KUALA LUMPUR	5 (5)	2,565
W.P. PUTRAJAYA	0	99
W.P. LABUAN	0	23
JUMLAH KESELURUHAN	10 (8)	9,306

*() adalah merujuk kepada kes-kes import